

## **TEMA 9 PEKERJAAN**

### **Situasi 9.1 Cita-cita (Askar)**

Latar tempat : sebuah sekolah

Cikgu : Amri.

Apakah cita-cita awak?

Amri : Saya bercita-cita ingin menjadi seorang askar, cikgu.

Cikgu : Kenapa awak ingin menjadi seorang askar?

Amri : Saya ingin menjaga keamanan negara, cikgu.

Cikgu : Awak memang seorang yang sangat berani.

Amri : Saya ingin menjadi berani seperti ayah saya, cikgu.

Cikgu : Apakah pekerjaan ayah awak?

Amri : Ayah saya seorang anggota polis.

Cikgu : Baguslah. Semoga cita-cita awak tercapai.

Amri : Terima kasih cikgu.

Cikgu : Sama-sama.